



BANGSA MALAYSIA

Isu bangsa Malaysia amat sensitif bagi sesetengah orang meskipun istilah tersebut tidak menjejaskan kedudukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 153 adalah peruntukan tentang jaminan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak-anak negeri iaitu peribumi Sabah dan Sarawak, juga kepentingan sah kaum-kaum lain berwarganegara Malaysia. Istilah orang Melayu di bawah Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan adalah lebih khusus daripada bangsa Melayu dan bangsa Malaysia. Hal ini kerana Perlembagaan Persekutuan menjamin kedudukan sah orang Melayu. Istilah bangsa Melayu merangkumi kaum-kaum bukan bangsa asal Tanah Melayu yang diterima sebagai warganegara Persekutuan apabila Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditandatangani oleh Raja-raja Melayu. Barangkali kerana kurang memahami sejarah watan tanah air dan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, pada hari ini terdapat dua kumpulan yang saling bertentangan. Kumpulan pertama adalah mereka yang tidak boleh menerima istilah bangsa Malaysia sama sekali, kerana menurut mereka istilah itu menghapuskan kedudukan istimewa orang Melayu dan peribumi.

Kumpulan kedua pula mereka yang mencabar Perkara 153 kerana berpendirian tidak perlu lagi ada diskriminasi antara kaum di Malaysia. Terkesan dengan cabaran itu, timbul desakan oleh kumpulan pertama kepada kerajaan untuk menyemak semula kewarganegaraan kumpulan kedua. Kedua-dua kumpulan di atas semakin lantang bersuara walhal

Perkara 153 dan kewarganegaraan di bawah Bahagian III merupakan satu prinsip teras dalam Perlembagaan Persekutuan dan tertakluk pada Akta Hasutan 1948. Sikap dua kumpulan tersebut sebenarnya berpunca daripada kekeliruan mereka sendiri atau pengabaian kepada sejarah watan tanah air apabila membahaskan isu-isu jati diri watan tanah air. Justeru, makalah ini bertujuan untuk membicarakan jati diri Malaysia sebagai satu bangsa berdasarkan epistemologikal, sejarah ringkas tanah air dan prinsip perlembagaan. Kefahaman yang betul tentang istilah jati diri, watan, etnik, bangsa dan prinsip perlembagaan mampu mengeluarkan pembahas daripada kepompong sempit yang sekian lama gagal melihat keperluan untuk mengukuhkan perpaduan Nasional berteraskan keadilan sosial mengikut acuan watan.

JATI DIRI

‘Jati diri’ bukanlah satu istilah asing dalam masyarakat, sama ada dalam penggunaan rasmi atau sebaliknya. Jati diri tidaklah terhad pada pengenalan satu kumpulan etnik atau masyarakat. Sebuah negara merdeka juga mempunyai jati diri tersendiri dan jati diri itulah yang memperkenalkannya kepada dunia. Secara umumnya, jati diri diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai *‘identity’*. Walau bagaimanapun, jati diri mempunyai takrifan yang lebih luas kerana aspeknya merangkumi luaran dan dalaman, sedangkan identiti lazimnya memperihalkan aspek pengenalan keperibadian luaran sahaja. Identiti dari sudut sosiologi secara umumnya terbahagi kepada tiga, iaitu; individu, kumpulan dan masyarakat atau negara. García (2005) berpendapat identiti adalah ciri-ciri tersendiri yang seseorang atau sesuatu dikenali dan keunikan ciri-cirinya yang tiada pada orang atau sesuatu lain. Tambahnya, identiti berkait rapat dengan perasaan kekitaan.

Melalui identiti, kita dapat merasakan bagaimana orang lain melihat diri kita, sama ada tergolong dalam kumpulan tertentu atau tidak. Identiti kumpulan menurut Henry (2002) memperlihatkan satu identiti yang dikongsi dan dipegang secara satu kebersamaan pada sekumpulan orang. Jati diri suatu masyarakat pula terkait dengan perlakuan, meliputi tingkah laku, norma dan tutur bahasa yang baik dalam sesebuah masyarakat.